



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

KENYATAAN MEDIA MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

DATO GOH LENG CHUA RAKYAT SARAWAK PERTAMA DILANTIK MENJADI AHLI LEMBAGA PENGARAH INSKEN BAHARU

KUALA LUMPUR, 3 OGOS 2020 – Saya telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Surat Lantikan Kepada 6 orang Ahli Lembaga Pengarah Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) yang baharu. Kesemua Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik terdiri daripada lantikan profesional dalam pelbagai latar belakang sektor korporat.

Saya mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Lembaga Pengarah INSKEN yang baru dilantik iaitu Ybhg. Dato Goh Leng Chua, Jeneral (B) Tan Sri Dato' Zulkiple Bin Hj Kassim , Kapten (B) Tuan Hazli Tuan Hassan, Ybhg. Datuk Haji Zamri Bin Salleh, Datuk Huan Cheng Guan, dan Datuk Sham Shamrat Sen Gupta.

Saya amat yakin dengan kredibiliti kepimpinan Ahli Lembaga Pengarah INSKEN yang baharu ini. Ia akan memperkukuhkan lagi barisan pengurusan tertinggi sedia ada dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang diamanahkan dengan berkesan dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat dan usahawan mikro khususnya.

Pelantikan Ybhg. Dato Goh Leng Chua yang berpengalaman luas dalam bidang undang-undang dan juga perniagaan, pernah berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan masih memegang jawatan sebagai Ahli Lembaga Pusat Biodiversiti Sarawak (SBC). Dengan pengalaman luas ini diharap dapat membantu visi dan misi INSKEN dalam memperkasakan lebih ramai lagi usahawan-sahawan baru dan memperkasakan lagi INSKEN sebagai sebuah pusat kecemerlangan usahawan.

INSKEN akan terus komited dalam menyediakan latihan untuk usahawan dan koperasi sebagai satu bentuk sokongan kepada mereka.

DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI